

Headline	Bakal haji perlu sahkan status		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	27 Feb 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	21	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	197 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,940
Frequency	Weekly	PR Value	RM 5,819



Bakal haji perlu sahkan status

IPOH - Bakal jemaah haji yang menerima surat tawaran menunaikan rukun Islam kelima itu perlu memberi pengesahan status mereka di pejabat cawangan Tabung Haji berhampiran, dalam tempoh dua minggu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof berkata, mereka yang layak perlu menandatangani surat pengesahan sama ada berkemampuan atau tidak untuk menyempurnakan kerja haji dan ibadah lain ketika, di Tanah Suci.

Katanya, ia penting untuk mengemaskini sistem dan memberi laluan kepada bakal jemaah yang membuat rayuan.

"Sering kali apabila mereka menerima surat tawaran, mereka ingat sudah selesai dan boleh pergi tanpa datang ke pejabat untuk tujuan pengesahan.

"Pengesahan ini penting kerana je-

maah haji yang betul-betul boleh pergi, nama mereka akan dimasukkan ke dalam sistem, manakala yang tidak boleh pergi, kita akan keluarkan daripada senarai serta memberi laluan kepada bakal jemaah yang membuat rayuan," katanya lapor BERNAMA.

Pada masa sama, beliau turut menasihati bakal jemaah haji untuk tidak mudah mempercayai berita palsu di media sosial berhubung pelbagai isu yang tular berkenaan Lembaga Tabung Haji.

Beliau berkata, isu yang dibangkitkan pihak tidak bertanggungjawab boleh menimbulkan keraguan dan kesangsian serta rasa cemas orang ramai terhadap agensi berkenaan.

"Saya minta mereka jangan tular berita tidak betul kononnya kerajaan tidak prihatin terhadap jemaah haji, hendak mansuhkan subsidi

Pengesahan ini penting kerana jemaah haji yang betul-betul boleh pergi, nama mereka akan dimasukkan ke dalam sistem

DR MUJAHID YUSOF

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

(kos mengerjakan haji), tidak peduli orang susah.

"Bagi saya isu yang ditimbulkan ini lebih kepada politik kerana ada pihak yang sentiasa menunggang isu agama semata-mata untuk meraih simpati dan sentimen kononnya kerajaan hari ini tidak prihatin kepada jemaah haji," katanya.